

## **Perjuangan agama, bangsa dan nusa: kajian terhadap tiga akhbar melayu di Sarawak**

### **ABSTRACT**

Kertas ini bertujuan mencerakin peranan kristalistik dan sumbangan vitalistik Fajar Sarawak (1930), dalam kancah zaman keangkuhan kolonialisme Barat dan sadisme dunia Melayu-Islam, merentasi garis zaman pancaroba yang besar iaitu Perang Dunia Pertama dan Kedua. Pada zaman inilah, muncul perjuangan keulamaan di Sarawak Darul Hana yang bangkit menyanggah terorisme Barat dan memercukan gagasan kemajuan Melayu-Islam, dengan pena dan tinta sebagai senjata perjuangan keulamaan. Persoalannya, mengapakah angkatan Fajar Sarawak teguh menggeluti zaman yang penuh berisiko dewasa itu? Menerusi wacana kerdil ini, penulis akan menggarap gagasan dan perjuangan Fajar Sarawak (1930) sembari menelusuri garis persamaan dan perbezaan penting (secara menyeluruh) dengan Utusan ASAS (1947-1948) dan Utusan Sarawak (1949-1950) secara komparatif, dalam konteks inklusiviti perjuangan keulamaan sezaman. Struktur wacana ini dibahagikan kepada tiga tema utama (ikuti pemerihalan selanjutnya). Bagaimanapun, aspek latar belakang masyarakat tidak disentuh di sini kerana ruangan yang terhad, malah keutamaan harus diberikan terhadap aspek pengisiannya. Begitu juga dengan kesan perjuangan akhbar Melayu, topik ini memerlukan kertas berasingan.